

HUBUNGAN STRATEGI PEMBELAJARAN DAN PENCAPAIAN BAHASA JEPUN DALAM KALANGAN PELAJAR MALAYSIAN TECHNICAL UNIVERSITY NETWORK (MTUN)

THE RELATIONSHIP BETWEEN LEARNING STRATEGIES AND JAPANESE LANGUAGE
ACHIEVEMENT AMONG MALAYSIAN TECHNICAL UNIVERSITY NETWORK (MTUN)

Rosmahalil Azrol bin Abdullah

Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

azrol@uthm.edu.my

ABSTRAK

Kursus bahasa Jepun merupakan subjek wajib pilihan yang ditawarkan pada setiap semester di Malaysia Technical University Network (MTUN). Walaupun kursus asas ini menjadi pilihan utama dan mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelajar, namun laporan menunjukkan terdapat ketidakseimbangan dan jurang skor yang tinggi di antara pelajar bumiputera dan bukan bumiputera. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis strategi pembelajaran yang digunakan semasa mempelajari bahasa Jepun dan menganalisis hubungan strategi pembelajaran terhadap pencapaian bahasa Jepun. Responden kajian melibatkan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Pahang Al Sultan Abdullah (UMPSA). Pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan yang melibatkan 392 sampel ini dilaksanakan berpandukan model Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford yang dikenali sebagai Strategy Inventory for Language Learning (SILL). Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Science Social (SPSS). Analisis statistik diskriptif dan inferensi iaitu ujian-t dan ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis nul pada aras signifikan $p < .05$. Kebolehpercayaan instrumen pemboleh ubah strategi pembelajaran bahasa (SILL) bernilai antara $\alpha = .81$ dan $\alpha = .92$. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi pembelajaran memori dan metakognitif menjadi keutamaan pelajar semasa mempelajari bahasa Jepun di universiti. Hasil kajian juga mendapati terdapat korelasi signifikan yang rendah pada sebahagian konstruk strategi pembelajaran terhadap pencapaian bahasa Jepun. Oleh itu dicadangkan aktiviti latihan tubi dan kawalan emosi perlu diberi perhatian untuk meningkatkan pencapaian bahasa Jepun dalam kalangan pelajar. Pelajar perlu memilih dan mempraktikkan strategi pembelajaran yang paling sesuai mengikut kebolehan dan kemampuan diri. Analisis membuktikan bahawa kajian ini memberikan implikasi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun yang melibatkan guru bahasa dan pelajar-pelajar di MTUN.

Kata kunci: *SILL, Pencapaian Bahasa Jepun*